



KTAR dan Taylor's University juara Bola Keranjang Tiga Lawan 3

Pasukan bola keranjang Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) muncul juara kategori lelaki pada Karnival Bola Keranjang Tiga Lawan Tiga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2013 Piala Timbalan Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia yang berlangsung tiga hari di Teluk Cempedak, Kuantan pada 8 hingga 10 November 2013 yang lalu.

Kejayaan ini diraih selepas pasukan itu berjaya menewaskan pasukan HELP University yang pernah menjuarai kejohanan ini pada tahun lalu. KTAR menewaskan pasukan lawan dengan keputusan yang amat sengit dengan catatan mata 11-10.

Tempat ketiga menjadi milik Universiti Malaya (UM) apabila menumbangkan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN KL) (B) dengan jaringan 6-4.

Manakala bagi kategori wanita, Tailor's University mendapat tempat pertama setelah menewaskan KTAR dengan jaringan 8-3. Manakala tempat ketiga dan keempat dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pemenang tempat pertama membawa

pulang wang tunai RM 2500.00, tempat kedua sebanyak RM 1500.00, tempat ketiga RM 1000.00 dan keempat serta kelima dengan jumlah RM 700.00 setiap pasukan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, penganjuran karnival kali keempat ini memperkenan kelainan daripada kebiasaan yang biasanya diadakan di Kompleks Sukan UMP.

"Penganjuran terbuka di pusat rekreasi ini secara tidak langsung dapat mempromosikan sukan bola keranjang dan menarik minat orang ramai bagi menyaksikan kehebatan pemain beraksi."

"UMP berasa bangga dapat bersama-sama pihak kementerian dalam menganjurkan kejohanan sukan bola keranjang selain dapat memartabatkan sukan bola keranjang dengan mencari bakat-bakat baharu dalam kalangan pelajar IPT," katanya semasa berucap dalam Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutup Karnival tersebut.

Katanya, kejohanan kali ini juga hanya menumpukan penyertaan dalam kalangan

pelajar IPT berbanding penglibatan pelajar sekolah bagi memberi tumpuan terhadap pembentukan pasukan bola keranjang Asean University Games 2014.

Kejohanan dirasmikan Setiausaha Bahagian Sukan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Hazally Jali.

Peserta dari KTAR, Fong Yen Yee, 20 melahirkan perasaan gembira dengan kemenangan ini memandangkan semua pasukan masing-masing menampilkan permainan yang cukup hebat.

Kedua-dua bentuk kerjasama ini bakal meningkatkan pembangunan akademik dan kerjasama penyelidikan termasuk permohonan geran penyelidikan, penganjuran program ilmiah, pertukaran modal insan, penerbitan bahan ilmiah dan program pertukaran pelajar.

Malah, melalui perjanjian protokol ini memberi peluang kepada UMP untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan melibatkan penyelidik luar dan tempatan yang melibatkan geran penyelidikan dari negara Bosnia.